



جَلْانِيْفِتِيْنِيْجِيْنِيْسِرِاَوِا

JABATAN MUFTI
NEGERI SARAWAK



PORTAL RASMI

LILAT-tibyan

"Fatwa Dijunjung Ummah Disanjung"

SIRI 12 / 2019 • NASKHAH PERCUMA

Gerhana Matahari Cincin (Anulus)

ANNULAR SOLAR ECLIPSE

26TH DECEMBER 2019
SERIAN, SARAWAK

ANNULAR SOLAR ECLIPSE

26TH DECEMBER 2019
SK ENGKILILI NO.2
SRI AMAN, SARAWAK



CAPTURED BY:
BAHAGIAN FALAK, JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK
(WITH GSO 6" F/9 RC QTA TELESCOPE and CANON EOS-1D X)

CAPTURED BY:
BAHAGIAN FALAK, JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK
(WITH LUNT SOLAR LS60THA TELESCOPE and ZWO ASI CAMERA 120MC)

**FOKUS - Cincin
Emas Di Langit
Engkilili &
Serian**

5

Laporan Seminar
Fatwa Peringkat
Daerah Marudi

17

Bengkel
Astrofotografi
Dan Teleskop,
Labuan

26

Hari Integriti
dan Inovasi
JMNS 2019

32

Koncilia Junjung



Sidang Redaksi

PENASIHAT

YBhg. Sahibus Samahah Datu Haji Kipli bin Haji Yassin

KETUA EDITOR

Ustaz Haji Mual bin Haji Suaud

EDITOR

Ustaz Abdul Karim bin Drahman

SUB-EDITOR & PRUF

Encik Abdul Fatah bin Othman

Ustaz Haji Mohammad Syarifuddin bin Abdul Kadir

Ustaz Haji Razalie bin Haji Hussaini

Ustaz Haji Faizal bin Abdullah

Ustazah Radiyah binti Haji Affandi

Ustaz Haji Ahmad Zambri Shah bin Mohd. Jeman

Ustaz Haji Mohammad Fauzi bin Haji Hairani

Ustazah Razimah binti Ahmad

KONSEP & LAYOUT

Ustaz Abdul Karim bin Drahman

Ustaz Nur Rahimin bin Rahim

Puan Surina binti Mustapha

Ustazah Dalima binti Bujang

KOORDINATOR PENERBITAN & EDARAN

Encik Fahmi Nazrin bin Abd Karim

Ustaz Mohamad Ujian bin Seman

Ustazah Dalima binti Bujang

Ustazah Noriti binti Besar

FOTOGRAFI

Ustaz Abdul Karim bin Drahman

Ustaz Mohamad Ujian bin Seman

Ustaz Mohammad Saiful bin Musa

Ustaz Mohammad Iskandar bin Spawi

CETAKAN • REKABENTUK

Malien Press Sdn. Bhd.

3 Sekapur Sirih

4 Pembuka Bicara

FOKUS

5 Cincin Emas Di Langit Engkilili & Serian

Sighah & Penjelasan Hukum

9 Solat Jumaat Berkembar Di Negeri Sarawak

12 Penyingkap Hukum

INFO AKTIVITI BAHAGIAN FATWA

17 Seminar Fatwa Peringkat Daerah Marudi

19 Az-Ziyarah

20 At-Tibyan Mesra

21 Daurah Akidah

INFO AKTIVITI BAHAGIAN FALAK

22 Program Al-Falak Di Sri Aman Sarawak

23 Forum Kebesaran & Keagungan Allah SWT Dan Falak Fit Toriq Sri Aman

24 Daurah Ilmiah Falakiah

26 Bengkel Astrofotografi Dan Teleskop, Labuan

INFO AKTIVITI BAHAGIAN PUSAT SUMBER

27 Kursus Asas Fotografi dan Videografi

28 Sentuhan Rohani (Peluang)

30 Bengkel Penerbitan Buku Panduan Solat Pesakit

31 Bengkel Penulisan Laporan & Berita

INFO AKTIVITI BAHAGIAN KHIDMAT

PENGURUSAN

32 Hari Integriti dan Inovasi JMNS 2019

34 Liqa' Mahabbah

35 Perhimpunan Jabatan Bil 2/2019

36 Tahniah, Penghargaan & Jasamu Dikenang

37 Selamat Datang

38 Zoom in

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



Alhamdulillah syukur kepada Allah SWT kerana atas segala kurniaan nikmat-Nya, majalah at-Tibyan siri 12 dapat diterbitkan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada ahli sidang redaksi kerana bersama-sama menggembangkan tenaga dalam proses penerbitan majalah ini.

Seperti yang dilakukan saban tahun, majalah ini diterbitkan bagi menguar-uarkan kepada masyarakat mengenai aktiviti dan program yang dianjurkan oleh Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS). Selain itu, media cetak ini juga dilihat sebagai medium dakwah kerana di dalam majalah ini juga turut mengandungi penjelasan hukum dan fatwa berkenaan masalah tertentu.

Penganjuran aktiviti dan program serta penjelasan hukum dan fatwa ini adalah untuk memastikan masyarakat Islam khususnya di negeri Sarawak mendapat maklumat yang tepat dan sahih berkenaan permasalahan hukum.

JMNS juga sangat menghargai sokongan masyarakat dan komitmen mereka dalam mematuhi hukum yang telah ditetapkan oleh badan yang berautoriti mengenai perkara tersebut. Tanpa sokongan dan dukungan masyarakat usaha JMNS akan sia-sia kerana JMNS dan masyarakat adalah seperti aur dengan tebing yang saling memerlukan di antara satu sama lain.

SAHIBUS SAMAHAH DATU HAJI KIPLI BIN HAJI YASSIN

Mufti Negeri Sarawak

Akhir kalam, sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada warga kerja JMNS di atas komitmen dalam menjayakan penerbitan majalah ini. Besarlah harapan agar momentum yang baik dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, wassalam.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Alhamdulillah syukur kepada Allah SWT kerana atas segala kurniaan nikmat-Nya, majalah at-Tibyan Siri 12 dapat diterbitkan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada ahli sidang redaksi kerana bersama-sama mengadun usaha yang cukup padu dalam proses penerbitan majalah ini.

Majalah yang sarat dengan maklumat berkaitan hukum dan fatwa serta menjelaskan aktiviti dan program yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) ini amat besar faedahnya kepada masyarakat Islam khususnya di negeri Sarawak. Pada terbitan kali ini ia memfokuskan kepada fenomena alam yang dapat disaksikan di bumi Sarawak iaitu Gerhana Matahari Cincin atau dikenali juga sebagai Gerhana Matahari Anulus yang membuktikan kebesaran dan keagungan Allah SWT.

Selain itu, majalah ini turut memuatkan laporan aktiviti jabatan serta penjelasan fatwa dan hukum seperti hukum solat Jumaat berkembar, akikah dan sebagainya. Majalah ini juga diterbitkan sebagai alat dakwah kepada umat Islam.

Sabtu tahun, program dan aktiviti yang dianjurkan sentiasa menerima maklum balas yang positif daripada peserta. Kualiti program dan aktiviti yang dianjurkan dapat dipertingkatkan dengan adanya pertambahan warga kerja JMNS.

Tidak dilupakan juga sokongan daripada masyarakat setempat kerana turut serta dalam menjayakan program dan aktiviti yang dianjurkan. Tanpa mereka, mana mungkin program dan aktiviti JMNS dapat diteruskan.



USTAZ HAJI MUAL BIN HAJI SUAUD

*Pengarah,
Jabatan Mufti Negeri Sarawak*

Akhir kalam, tahniah diucapkan di atas usaha warga kerja JMNS yang sangat proaktif dalam menjayakan semua program dan aktiviti. Besarlah harapan agar prestasi yang unggul dapat dipertingkat lagi pada masa akan datang.


Wassalam.

CINCIN EMAS DI LANGIT ENGKILILI DAN SERIAN

Cincin emas itu pasti indah dan menarik, harganya tentu mahal namun kepuasan jelas terukir di bibir para wanita bila cincin emas disarung di jari manis. Namun, bukan cincin emas itu yang dimaksudkan, yang dimaksudkan adalah Gerhana Matahari Cincin atau dikenali juga sebagai Gerhana Matahari Anulus. "Anulus" berasal daripada Bahasa Latin yang bermaksud cincin.

Gerhana matahari cincin ini diketahui umum merupakan fenomena yang jarang-jarang berlaku dan kali terakhir berlaku pada 22 Ogos 1998. Oleh itu, pencinta astronomi tidak melepaskan peluang untuk menyaksikan fenomena ini yang berlaku pada 26 Disember 2019M bersamaan 29 Rabiulakhir 1441H. Peluang ini diraih kerana gerhana ini dijangka akan muncul semula pada 14 Oktober 2042.

Sehubungan itu, Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) mengambil kesempatan ini untuk menganjurkan Program Gerhana Matahari Cincin di Engkilili. Lokasi yang dipilih ialah SK Engkilili No.2 kerana merupakan pusat yang tepat untuk mencerap gerhana matahari cincin selain daripada kawasannya yang luas dan strategik. Program ini disertai oleh Mufti Negeri Sarawak, Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, Pengarah JMNS, Ustaz Haji Mual bin Haji Suaud, pegawai-pegawai dari Pejabat Mufti Negeri Sabah, ahli-ahli Sabah Stargazers dan kakitangan SK Engkilili No.2 yang diketuai oleh Guru Besar iaitu Cikgu Ajan Anak Embang.



Selain Engkilili, JMNS juga telah menghantar beberapa orang kakitangan untuk menyertai Program "Solar Fest" anjuran Planetarium Negara di Dataran Piazza, Serian. Cerapan di Serian ini dihadiri oleh Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Semuja, Yang Berhormat John Ilus dan terdapat pelbagai agensi kerajaan yang terlibat mengadakan pameran dalam program tersebut.

Secara amnya laluan gerhana matahari cincin dan separa ini bermula dari Semenanjung Tanah Arab, melalui Selatan India dan Sri Lanka, dan seterusnya memasuki Asia Tenggara merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Filipina dan berakhir di Lautan Pasifik. Di Malaysia, gerhana matahari cincin ini dapat dilihat di Kukup dan Tanjung Piai, Johor manakala di Sarawak, di Kota Samarahan, Serian dan Engkilili. Daerah kecil Engkilili yang terletak di Bahagian Sri Aman merupakan lokasi tepat di atas laluan gerhana matahari cincin ini.

Laluan tepat gerhana anulus ini melalui pekan kecil Engkilili dan lebih tepat lagi di Sekolah Kebangsaan Engkilili No.1 dan Sekolah Kebangsaan Engkilili No.2.

Rajah 1



Sumber: <http://xjubier.free.fr/en>

Rajah 2



Sumber: <http://xjubier.free.fr/en>

Rajah 3



Sumber: <http://xjubier.free.fr/en>

Rajah 4



Sumber: <http://xjubier.free.fr/en>

Rajah 5




Sumber: <http://xjubier.free.fr/en>

Petunjuk

1. Laluan gerhana matahari cincin di dunia
2. Laluan gerhana cincin di asia tenggara
3. Laluan gerhana cincin di Johor, Malaysia
4. Laluan gerhana cincin di Sarawak, Malaysia
5. Laluan gerhana cincin di Engkilili

Fenomena gerhana matahari tidak berlaku di semua kawasan bumi pada waktu yang sama. Fenomena ini berlaku ketika bulan melalui laluan matahari menyebabkan cahaya matahari tidak dapat dilihat sepenuhnya pada tempoh tertentu. Namun, bentuk gerhana bergantung kepada jarak bulan antara matahari dan bumi, sama ada berjaya menutup sepenuhnya cahaya matahari, menutup separa dan tidak mampu menutup sepenuhnya cahaya matahari itu. Rajah di bawah menunjukkan bagaimana gerhana matahari ini berlaku:

Rajah 6 (fenomena gerhana)




Sumber: Google

Beberapa teleskop telah digunakan bagi merakam imej iaitu *GSO 6''F/9 RC OTA Telescope* dan kamera *Canon EOS-1DX* di Serian manakala *Lunt Solar LS60THA Telescope* dan *ZWO ASI Camera 120MC* digunakan di Engkilili. Di Serian, gerhana cincin bermula pada 1:46 petang manakala kemuncak gerhana matahari cincin pada 1:48 petang dan berakhir pada 1:50 petang. Di Engkilili pula, gerhana cincin bermula pada 1:50 petang manakala kemuncak gerhana matahari cincin pada 1:52 petang dan berakhir pada 1:54 petang. Pada waktu tersebut, masyarakat menyaksikan gerhana matahari cincin menggunakan cermin mata khas yang telah dibekalkan oleh pihak Planetarium Negara. Hal ini kerana, jika gerhana matahari dilihat secara langsung akan menyebabkan kerosakan pada mata.

Selain daripada cerapan matahari, solat sunat gerhana juga telah diadakan di SK Engkilili No.2 dan Masjid Bahagian Serian yang diketuai oleh pihak Jabatan Agama Islam (Sri Aman dan Serian). Solat ini bertujuan untuk menghayati tanda-tanda kebesaran Allah SWT dan mewujudkan perasaan insaf dalam diri.

Terdapat empat jenis gerhana matahari:

1. Gerhana penuh berlaku apabila bayang bentuk gelap bulan menyelubungi dengan sepenuhnya cahaya matahari yang amat terang, dan dengan ini membolehkan korona matahari yang lebih lembut dapat dilihat. Dalam mana-mana gerhana, kepenuhan paling baik pun hanya berlaku pada laluan terhad pada permukaan bumi.
2. Gerhana anulus/cincin berlaku apabila matahari dan bulan betul-betul sebaris, akan tetapi saiz bulan kelihatan kecil daripada saiz matahari, ini menyebabkan matahari kelihatan seolah-olah sebentuk cincin yang amat terang atau anulus, yang mengelilingi cakera bulan yang lebih gelap.
3. Gerhana hibrid (juga disebut gerhana anulus-penuh) berubah antara gerhana penuh dan anulus. Ia kelihatan seperti gerhana penuh di beberapa tempat pada permukaan bumi sementara di tempat lain pula ia kelihatan seolah-olah gerhana anulus. Gerhana hibrid agak jarang-jarang berlaku.
4. Gerhana separa berlaku apabila matahari dan bulan tidak tepat sebaris dan bulan hanya melitupi matahari dengan separa. Fenomena ini lazimnya dapat dilihat dari sebahagian besar bumi yang terletak di luar laluan gerhana anulus ataupun penuh. Walau bagaimanapun, beberapa gerhana hanya dapat dilihat sebagai gerhana separa oleh disebabkan umbra melintasi wilayah kutub bumi dan tidak menyilangi permukaan bumi.



Gerhana Cincin Serian



Mufti Negeri Sarawak bersama-sama kakitangan Jabatan, kakitangan Pejabat Mufti Negeri Sabah dan Sabah Stargazers di Engkilili



Program Gerhana Matahari Cincin di Engkilili



Program cerapan gerhana matahari cincin (Serian)

Solat Sunat Gerhana di Masjid Bahagian Serian

Pameran Jabatan Mufti Negeri Sarawak (Serian)



Kakitangan JMNS bersama ADUN Bukit Semuja, YB John Ilus



SOLAT JUMAAT BERKEMBAR DI NEGERI SARAWAK

PENGENALAN

Solat Jumaat ialah solat fardu (dua rakaat) yang dilakukan pada hari Jumaat menggantikan solat Zohor. Ia dilaksanakan secara berjemaah selepas mendengar khutbah Jumaat. Solat Jumaat merupakan Fardu Ain bagi seseorang mukallaf lelaki yang cukup syarat-syaratnya.

JUMAAT BERKEMBAR MENURUT PERUNDANGAN ISLAM

- 1) **"Solat Jumaat Berkembar"** merujuk kepada solat Jumaat yang dilaksanakan kerana jemaah tidak mencukupi 40 orang kemudian diikuti dengan melaksanakan solat Zohor.
- 2) Umat Islam di negara yang bermazhab Syafii telah melaksanakan solat Jumaat berkembar dengan solat Zohor kerana mereka mendirikan solat Jumaat di beberapa masjid yang berada dalam satu bandar, seperti di Mesir, Syam, Beirut, Halab dan lain-lain (Al-Nabhani, 1324H).
- 3) Perbincangan para ulama adalah berkisar mengenai sah atau tidak solat Jumaat

dilaksanakan di dua buah masjid atau lebih dalam satu kawasan.

PENDAPAT MUKTAMAD MAZHAB SYAFII

Menurut pendapat muktamad mazhab Syafii, tidak dibenarkan melaksanakan solat Jumaat berbilang masjid di dalam satu kawasan dalam apa jua keadaan sama ada wujud keperluan atau tidak. Maka wajib mendirikan solat Zohor selepas selesai solat Jumaat dalam keadaan tersebut (Al-Nabhani)

Imam al-Muzani menjelaskan:

Maksudnya: "Imam al-Syafii rahimahullah berkata, solat Jumaat dilaksanakan secara berjemaah di belakang seorang Imam. Solat Jumaat dilaksanakan bersama pemimpin, wakil pemimpin, dan pemimpin yang merampas kuasa (mutaghallib) dalam sesuatu negeri. Namun solat Jumaat yang dilaksanakan tanpa dihadiri pemimpin turut dibenarkan. Juga sah solat Jumaat jika diimamkan oleh seorang hamba atau seorang musafir, sebagaimana sah solat lain jika diimamkan oleh mereka.

Tidak boleh dilaksanakan solat Jumaat dalam satu-satu kawasan melainkan pada satu masjid sahaja, walaupun kawasan itu luas dan banyak masjidnya.

Jika didirikan solat Jumaat pada berbilang masjid dalam satu-satu kawasan, maka masjid yang paling awal mendirikan solat Jumaat setelah gelincir matahari, maka solat di masjid itu sahaja yang diiktiraf sebagai solat Jumaat. Manakala masjid lain yang melaksanakan solat Jumaat selepas itu, ia dianggap sebagai solat Zohor, maka hendaklah didirikan empat rakaat. Ini disebabkan, Nabi Muhammad SAW dan selepas zaman baginda, tidak didirikan solat Jumaat melainkan di Masjid Nabawi, sedangkan di sekitar Madinah, terdapat masjid-masjid lain.

Menurut pengetahuan kami, tidak ada seorang pun dalam kalangan umat Islam di zaman itu mendirikan solat Jumaat di masjid lain, selain Masjid Nabawi. Jika dibenarkan mendirikan solat Jumaat di dua masjid berbeza, maka sudah tentu dibenarkan di zaman itu untuk didirikan solat Jumaat di masjid kabilah".



Pendapat ini merujuk kepada hujah berikut:

- 1) Ibnu Umar berkata: "Tidak boleh dilaksanakan solat Jumaat melainkan di masjid terbesar (dalam sebuah kawasan) yang dilaksanakan solat padanya oleh pemimpin kawasan tersebut".
- 2) Abu Daud melaporkan dalam kitab 'al-Marasil': "Bukayr bin al-Ashaj menjelaskan bahawa di Madinah terdapat sembilan masjid, termasuk Masjid Nabawi. Semua penduduk di sekitar masjid-masjid tersebut mendengar azan Bilal dan mereka mendirikan solat berjemaah di masjid masing-masing". Yahya bin Yahya menambah dalam laporan tersebut, "Namun, mereka tidak mendirikan solat Jumaat di masjid-masjid mereka, melainkan mereka hanya mendirikan solat Jumaat di masjid Nabawi". Al-Baihaqi melaporkan dalam kitab 'al-Ma'rifah'; "Penduduk al-'Awali mendirikan solat Jumaat bersama Nabi Muhammad SAW. Penduduk Quba' turut mendirikan solat Jumaat bersama Nabi Muhammad SAW". (Ibn Hajar al-'Asqalani, 1995: 2/112). Al-'Awali merupakan satu kawasan penempatan yang berada di kawasan paling tinggi di Madinah. Jarak antara kawasan itu dengan masjid Nabawi adalah sekitar 10 km. Manakala jarak antara Quba' dan masjid Nabawi adalah sekitar 5 km (Al-Nabhani, 1324H:5). Al-Baihaqi melaporkan, "Penduduk Dhi al-Hulayfah mendirikan solat Jumaat di masjid Nabawi di Madinah".

(Ibn Hajar al-'Asqalani, 1995: 2/113)

Menurut pendapat muktamad mazhab Syafii, kewajipan mendirikan solat Zohor selepas solat Jumaat, bukan hanya disebabkan solat Jumaat didirikan pada berbilang masjid dalam sebuah kawasan, namun mencakupi mana-mana keadaan solat Jumaat yang tidak memenuhi syarat. Ini termasuk bagi kes solat Jumaat yang didirikan dengan bilangan ahli jemaah tidak mencukupi 40 orang.

BILANGAN MINIMUM JEMAAH SOLAT JUMAAT

Ibu pelaksanaan Jumaat berkembar dengan solat Zohor turut dipengaruhi oleh ibu bilangan minimum jemaah solat Jumaat. Sekiranya solat Jumaat didirikan dalam sesebuah masjid dengan bilangan jemaah yang tidak menepati syarat, maka tidak sah Jumaat itu dan perlu didirikan solat Zohor.

Mazhab Syafii

a) Pendapat Ulama Mazhab Syafii

Ulama Syafiyyah mengatakan, hendaklah dilakukan solat Jumaat bersama imam dengan kehadiran 40 orang atau lebih. Bilangan 40 itu hendaklah daripada kalangan penduduk tempat itu (*ahl al-qaryah*) yang mukallaf, merdeka dan lelaki yang tinggal menetap di situ yang mana tiada seorang pun daripada mereka berpindah daripada tempat itu sama ada pada musim sejuk atau musim panas kecuali kerana keperluan, sekalipun mereka ini daripada orang sakit atau

bisu atau tuli, tetapi bukan daripada kalangan orang musafir. Sekiranya bilangan jemaah melebihi daripada 40 orang, maka imam bolehlah dilantik atau dipilih daripada orang musafir. Tidak dikira solat Jumaat jika bilangan jemaah kurang daripada 40 orang. Ini berdasarkan hadis yang diriwayat oleh Ka'ab yang antara isi hadis itu bahawa bilangan orang yang menunaikan solat Jumaat yang pertama sekali di al-Madinah bersama-sama As'ad bin Zurarah ialah seramai 40 orang (al-Zuhaili, 1989).

Al-Baihaqi meriwayatkan daripada Ibnu Mas'ud; "Sesungguhnya Nabi SAW menunaikan solat Jumaat di Madinah yang mana bilangan mereka seramai 40 orang; tiada bukti yang menunjukkan Nabi SAW menunaikan solat itu dengan bilangan yang kurang daripada 40 orang. Oleh itu tidak boleh dilakukannya dengan bilangan yang kurang. Jika kesemua 40 orang atau setengah daripadanya bersurai ketika dibaca khutbah, maka tidak sah solat Jumaat itu kerana pendengaran 40 orang jemaah terhadap semua rukun khutbah dituntut. Tujuan khutbah untuk didengari oleh orang ramai, jika kurang daripada bilangan 40 sebelum selesai solat Jumaat maka hendaklah dilakukan solat Zohor dan tidak payah disempurnakan solat Jumaat. Bilangan adalah syarat, maka semuanya diambil kira sebagaimana juga dalam bahagian bersuci (*al-Taharah*)". (al-Zuhaili, 1989).

Menurut al-Zuhaili, (1989) solat Jumaat perlu kepada perhimpunan (jamaah). Apabila tercapai jemaah yang ramai mengikut kebiasaannya, maka diwajibkanlah solat Jumaat dan hukumnya sah. Tidak terdapat nas yang jelas yang mensyaratkan bilangan tertentu, tetapi jemaah adalah syarat yang disepakati semua ulama bagi solat Jumaat kerana sudah maklum di dalam syarak bahawa jemaah itu berlaku kewujudannya ketika solat.

Imam Syafii telah menyebut dalam kitabnya al-Umm:

Maksudnya: "Saya telah mendengar sebilangan daripada sahabat-sahabat kami berkata: Jumaat itu wajib ke atas orang yang bermukim apabila bilangan mereka 40 orang lelaki dan kesemuanya adalah ahli qaryah. Maka kami mengatakan (sependapat) dengannya. Dan itulah seminimum bilangan (jemaah Jumaat) yang kami ketahui pernah dikatakan". (Al-Syafii, 1993: 1/328).

Pandangan yang mengatakan had minima bilangan jemaah solat Jumaat 40 orang, disepakati oleh semua fuqaha Syafiyyah (al-Mawardi, 1994; al-Nawawi, t.th.; al-Khatib al-Syarbini, 1994; Kamarulzaman Mustappa & Sarip Adul, 2011). Disyaratkan juga dalam Mazhab Syafii, semua 40 orang jemaah lelaki tersebut mesti mendengar rukun khutbah kesemuanya. Andainya kesemua 40 jemaah Jumaat atau sebahagian mereka tidak mendengar rukun-rukun khutbah maka terbatallah khutbah tersebut

dan hukum bilangan iaitu tidak sempurna bilangan 40 orang. Contohnya, kalau 3 orang tertidur sepanjang khutbah, maka bilangan jemaah cuma tinggal 37 orang. Jumaatnya tidak sah. (al-Khatib al-Syarbini, 1994; Kamarulzaman Mustappa & Sarip Adul, 2011).

Bagi tempat yang kurang bilangan jemaah 40 orang, tidak sah mengerjakan solat Jumaat tetapi dikehendaki mendirikan solat Zohor sahaja (al-Zuhaili, 1989).

b) Dalil Mazhab Syafii

Fuqaha Mazhab Syafii telah mendatangkan beberapa dalil dari hadis Rasulullah SAW sebagai bukti bahawa syarat sah solat Jumaat ialah 40 orang atau lebih.

Maksudnya: "Diriwayatkan oleh Salman bin Tarif dari Makhul dari Abi al-Darda' dari Nabi SAW bahawa baginda telah bersabda: "Apabila 40 orang lelaki berhimpun, maka wajiblah ke atas mereka mengerjakan solat Jumaat". (al-Rafie, t.th.: 4/51; al-Mawardi, 1994: 3/16; Kamarulzaman Mustappa & Sarip Adul, 2011).

c) Analisis Dalil Mazhab Syafii

Ibn Hajar al-'Asqalani menjelaskan:

Maksudnya: "Hadis Abi al-Darda', 'Apabila sampai bilangan jemaah 40 orang lelaki maka ke atas mereka solat Jumaat', didatangkan akannya oleh pengarang (kitab) al-Tatimmah, dan (hadis) itu tidak ada 'asal' baginya". (Ibn Hajar al-'Asqalani, 1964: 2/56; Kamarulzaman Mustappa & Sarip Adul, 2011)

RUMUSAN ISU BILANGAN MINIMUM JEMAAH SOLAT JUMAAT

Menurut satu pendapat Imam al-Syafii: Solat Jumaat sah dilakukan jika ada seorang imam dan 40 orang makmum. Dalil pendapat ini merujuk kepada laporan Kaab bin Malik, "Orang pertama yang mengumpulkan kami untuk solat Jumaat di Madinah ialah Sa'ad bin Zurarah, iaitu sebelum kedatangan Nabi Muhammad SAW. Kami bersolat di Naqi' al-Khadamat." Abdul Rahman bin Kaab bertanya, "Berapa orang yang ada pada ketika itu?" Kaab menjawab, "40 orang". Hadis hasan direkodkan oleh Imam Abu Daud, al-Bayhaqi dan lain-lain.

KEPUTUSAN FATWA NEGERI SARAWAK

Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak Kali Ke-33 telah memutuskan **Hukum Solat Jumaat Berkembar Di Negeri Sarawak** seperti berikut:

- i. Setiap masjid yang mempunyai kebenaran untuk melaksanakan solat Jumaat dan mencukupi bilangan penduduk 40 orang lelaki mukallaf wajib mendirikan solat Jumaat.
- ii. Solat Jumaat yang jemaahnya kurang daripada 40 orang hendaklah mendirikan solat Zohor selepas solat Jumaat sebagai *ihtiyat* (langkah berhati-hati).
- iii. Walau bagaimanapun, kebenaran mendirikan solat Jumaat dalam keadaan tertentu hendaklah mendapat kebenaran khas daripada Majlis Islam Sarawak.



1 SOALAN: Berapakah had umur anak yang boleh diakikahkan?

JAWAPAN:

Ibadah akikah amat digalakkan dan sunat untuk dilaksanakan pada hari ketujuh kelahiran anak. Ini berdasarkan hadis daripada Samurah r.a, Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

“Setiap bayi itu tertebus dengan akikahnya, disembelih akikah pada hari yang ketujuh kelahirannya, dicukur rambutnya dan diberikan nama.”

(Hadis Riwayat Abu Daud, 1522)

Walau bagaimanapun, jika tidak dapat melaksanakannya pada hari ketujuh kelahiran, maka harus untuk dilaksanakan sehingga kanak-kanak tersebut mencapai akil baligh. Namun apabila kanak-kanak itu telah akil baligh sebelum sempat diakikahkan, maka harus bagi anak tersebut untuk mengakikahkan dirinya sendiri. Sekiranya masih tidak mampu untuk melaksanakan akikah, maka tidak menjadi masalah kerana syariat tidak memberatkan seseorang atas suatu yang dia tidak mampu.

Kesimpulannya, harus hukumnya untuk seseorang yang telah dewasa yang belum diakikahkan untuk mengakikahkan dirinya sendiri sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT di atas nikmat kehidupan yang diberikan.

2 SOALAN: Apakah hukum menentukan hantaran pernikahan (belanja hangus) yang terlalu tinggi dari kebiasaan dalam masyarakat setempat?



JAWAPAN:

Syarik tidak membuat penetapan secara khusus kadar tinggi atau rendah hantaran perkahwinan tersebut. Hukumnya adalah harus. Ia bergantung kepada uruf (kebiasaan) setempat atau dengan persetujuan daripada pihak lelaki dan perempuan. Namun, sekiranya menyukarkan, sebaiknya hantaran yang dibuat hendaklah mengikut kemampuan masing-masing agar tidak menjadi bebanan kepada kedua-dua pihak.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

“Laksanakanlah walimah walaupun hanya dengan seekor kambing.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, 5167 dan Muslim, 1427)

Sabda Rasulullah SAW lagi yang bermaksud:

“Sebaik-baik pernikahan adalah yang dipermudahkan maharnya”.

(Hadis Riwayat Ibnu Hibban, 4072)

Ketika merancang majlis perkahwinan, kedua-dua pihak haruslah memikirkan kemampuan mereka kerana kehidupan selepas perkahwinan juga akan memerlukan perbelanjaan yang berterusan. Adalah tidak wajar sekiranya berhutang untuk mengadakan majlis perkahwinan secara besar-besaran semata-mata memuaskan keinginan yang diluar kemampuan.


Rasulullah SAW sentiasa berdoa agar dilindungi daripada beban hutang melalui doa baginda yang bermaksud:

“Ya Allah, aku berlindung kepadaMu dari berbuat dosa dan banyak hutang.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, 2397)



3 SOALAN: Saya masuk masjid ketika azan berkumandang, adakah terus solat tahiyatul masjid atau menunaikannya selepas selesai azan?



JAWAPAN:

Solat Tahiyatul Masjid ialah solat dua rakaat yang dilakukan oleh setiap orang yang masuk ke dalam masjid sebelum dia duduk. Hal ini berdasarkan hadis daripada Abi Qatadah Al-Salami r.a, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Apabila seseorang daripada kamu masuk ke dalam masjid, maka solatlah sebanyak dua rakaat sebelum duduk”.

(Hadis Riwayat al-Bukhari, 444)

Daripada Abi Sa'id Al-Khudri r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Apabila kalian mendengar azan maka ucapkanlah seperti yang sedang diucapkan muazzin”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, 611)

Apabila sampai ke masjid dan azan sedang dikumandangkan, maka hendaklah tetap berdiri bagi menghormati dan menjawab azan tersebut. Selepas selesai azan, barulah mendirikan solat tahiyatul masjid dan inilah yang utama (afdal). Walau bagaimanapun jika solat sunat itu dikerjakan semasa azan berkumandang, maka sah solat tersebut.



4 SOALAN: Apakah sabun taharah yang terdapat di pasaran boleh digunakan untuk menyertu najis mughallazah?

JAWAPAN:

Sabun taharah dikenali juga sabun tanah liat. Ia dihasilkan dari campuran tanah liat, dan beberapa mineral semulajadi seperti sodium, kalsium, dan potassium.

Sertu bermaksud menyucikan mana-mana bahagian badan, pakaian dan tempat yang terkena najis mughallazah (anjing dan babi), dengan membasuhnya sebanyak tujuh kali dimulai air bercampur tanah sekali dan air mutlak enam kali. Hal ini disebutkan di dalam hadis yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Sucikan bejana kamu apabila seekor anjing menjilat padanya (bejana tersebut) adalah dengan cara kamu membasuhnya sebanyak tujuh kali, dan yang pertama basuhan dengan tanah”.

(Hadis Riwayat Muslim, 279)

Berdasarkan hadis di atas, najis mughallazah hendaklah disertu dengan menggunakan air bercampur tanah.

Oleh kerana sabun taharah juga diproses dari tanah dengan campuran bahan lain, maka ia harus digunakan untuk melakukan serta kerana sabun tersebut mencapai maksud yang sama dengan penggunaan tanah. Penggunaan tanah ini juga adalah satu mekanisme terkini untuk memudahkan masyarakat yang sukar untuk mendapatkan tanah bagi tujuan serta di kawasan mereka.

5 SOALAN: Apakah hukumnya bagi seorang isteri pergi bekerja tanpa meminta izin dan bersalam dengan suaminya?



JAWAPAN:

Pada asasnya, seorang isteri wajib memohon keizinan suami apabila hendak keluar dari rumah. Bagi wanita yang bekerja, jika perkara tersebut telah dimaklumi oleh suami dan suami meredainya tidaklah menjadi dosa dan kesalahan. Dalam situasi masa kini, kebanyakan isteri adalah bekerja dan perkara tersebut telah dimaklumi dan direndai oleh suami. Keizinan suami ini adalah merupakan



keizinan umum. Namun demikian, sekiranya isteri keluar selain daripada ke tempat kerja, isteri hendaklah meminta izin dengan suami terlebih dahulu.

Isteri hendaklah menjaga maruah dan akhlak apabila keluar dari rumah dengan menjaga aurat, menundukkan pandangan serta menjauhkan dirinya daripada segala fitnah yang mungkin berlaku.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaianya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu.

Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”.

(Surah al-Ahzab: 59)

Oleh yang demikian seorang isteri yang hendak keluar rumah untuk tujuan apapun hendaklah meminta keizinan suami terlebih dahulu.

Dalam hadis Aisyah r.a, beliau bertanya kepada Nabi SAW yang bermaksud:

“Adakah engkau mengizinkan aku mendatangi (menziarahi) kedua ibu bapaku? Aisyah berkata, “sebabnya aku ingin mendapatkan kepastian berita tersebut (fitnah terhadap Aisyah) daripada ibu bapaku. Maka Rasulullah SAW mengizinkan aku”.

(Hadis Riwayat al-Bukhari, 4141 dan Muslim, 2770)

Dalam masalah bersalaman ia merupakan adab seorang isteri terhadap suami dan jika dengan meninggalkannya menyebabkan suami berkecil hati dan tidak reda maka isteri tersebut berdosa. Jika suami meredainya dia tidaklah berdosa. Walau bagaimanapun, bagi mewujudkan keharmornian dalam rumah tangga, suami isteri hendaklah saling bertoleransi dan berbincang antara satu sama lain.

SOALAN: Bagaimanakah cara seorang anak berperanan dalam menegur ibunya yang menyimpan tangkal penarik rezeki di rumah dan ayat yang tidak difahami di dalam bingkai?



JAWAPAN:

Islam amat menitikberatkan soal pegangan akidah dan kepercayaan yang berpandukan ajaran al-Quran dan al-Sunnah. Ini termasuklah dalam menjaga akidah agar tidak terjerumus ke dalam lembah kesyirikan.

Allah SWT telah mengisahkan bagaimana didikan Luqman al-Hakim kepada anaknya melalui firmanNya yang bermaksud:

“Dan (ingatlah) ketika Luqman berkata kepada anaknya, di waktu dia memberi pelajaran kepadanya:

“Wahai anakku, janganlah kamu menyekutukan Allah, sesungguhnya menyekutukan (Allah) adalah benar-benar kezaliman yang besar”.

(Surah Luqman: 13)

Nabi SAW juga telah mengingatkan dalam sabda baginda yang bermaksud:

“Sesungguhnya jampi-jampi (yang bercanggah dengan syarak), tangkal-tangkal dan tiwalah (sihir yang digunakan untuk membuat wanita mencintai suaminya) itu adalah syirik.”

(Hadis Riwayat Ahmad, 3615, Abu Daud, 3883 dan Ibnu Majah, 3530)

Oleh itu, menyimpan tangkal dan tulisan yang tidak difahami sebagai usaha untuk menarik rezeki merupakan satu amalan khurafat yang bertentangan dengan akidah Islam dan boleh menjerumuskan seseorang kepada kesyirikan. Sekiranya berlaku dalam kalangan ahli keluarga, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk menegur agar perbuatan khurafat tersebut ditinggalkan.

Sekiranya melibatkan orang tua terutama kedua-dua ibu bapa, maka nasihat tersebut perlu dilakukan dengan penuh hikmah. Antara tindakan yang boleh dilakukan sebagai seorang anak ialah menjelaskan dengan cara lemah lembut tentang perkara tersebut. Nasihat sebaiknya dibuat dalam keadaan harmoni tanpa menyinggung perasaan mereka. Firman Allah SWT yang bermaksud:

“dan Tuhanmu telah memerintahkan supaya kamu jangan menyembah selain Dia dan hendaklah kamu berbuat baik kepada ibu bapamu dengan sebaik-baiknya, jika salah seorang diantara mereka atau kedua-duanya sampai berumur lanjut dalam pemeliharaanmu, maka sekali-kali janganlah kamu mengatakan kepada kedua-duanya perkataan “ah” dan janganlah kamu membentak mereka dan ucapkanlah kepada mereka perkataan yang mulia.”

(Surah al-Isra': 23)

Nasihat ini perlulah dilakukan secara berterusan selain sentiasa berdoa kepada Allah SWT supaya dibukakan hati mereka untuk meninggalkan perkara yang bercanggah dengan akidah. Setelah usaha dilakukan, maka bertawakkallah kepada Allah SWT.

7 SOALAN: Adakah sah solat yang dibacakan Qunut Nazilah dengan dimasukkan dalam doanya perkataan Palestin, Iraq, Syria, Afganistan, Burma dan lain-lain?

JAWAPAN:

Qunut nazilah sunat dibacakan ketika umat Islam ditimpakan bencana atau musibah seperti perang, wabak, kemarau dan sebagainya. Rasulullah SAW pernah membaca doa Qunut nazilah Ketika berlakunya suatu penghianatan dan pembunuhan ke atas beberapa sahabat Nabi SAW. Diriwayatkan daripada Anas bin Malik r.a:

“Bawahu Bani Ri’lin, Zakwan, Usaiyah dan Bani Lahyan pernah meminta pertolongan dari Rasulullah SAW untuk menghadapi musuh mereka. Maka baginda menghantar bantuan seramai 70 orang sahabat daripada golongan Ansar. Kami menamakan mereka sebagai al-Qurra, mereka dahulunya mengedarkan makanan untuk orang-orang yang memerlukan pada siang hari dan banyak menunaikan solat pada malam hari. Sehingga mereka sampai di Bi’ri Ma’unah, tiba-tiba mereka dibunuh dan dikhianati oleh kabilah-kabilah berkenaan. Apabila berita itu sampai kepada Nabi SAW, baginda membaca qunut (Nazilah) selama sebulan dan berdoa dalam solat Subuh untuk dikenakan balasan ke atas jenayah dan pengkhianatan Bani Ri’lin, Zakwan, ‘Usaiyah dan Bani Lahyan.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, 4090)



Berdasarkan hadis tersebut, Rasulullah SAW menyebut agar dikenakan balasan ke atas jenayah dan pengkhianatan Bani Ri’lin, Zakwan, ‘Usaiyah dan Bani Lahyan dalam qunut nazilahnya. Maka tidaklah menjadi kesalahan menyebut nama negara-negara yang didoakan dalam qunut nazilah dan sah solat yang dilakukan.

8 SOALAN:
Apakah perbezaan antara akikah dan korban?



JAWAPAN:
Korban dan akikah merupakan ibadah yang dituntut ke atas orang Islam yang mukallaf. Ibadah korban bermaksud menyembelih binatang yang tertentu pada masa-masa yang tertentu dengan niat mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

“Maka sembahlah Tuhanmu dan berkorbannya.”
(Surah al-Kauthar: 2)

Manakala ibadah akikah pula ialah sembelihan binatang al-An’ām (binatang ternakan seperti unta, lembu, kerbau, biri-biri atau kambing) yang dilakukan kerana menyambut bayi yang baru dilahirkan sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT.

Hadis daripada Umar ibn Amru r.a bahawa Rasulullah SAW pernah ditanya berkaitan akikah dan antara sabda baginda yang bermaksud:

“Sesiapa yang dikurniakan anak dan ingin melakukan ibadah untuknya, maka lakukanlah ibadah akikah bagi anak lelaki dua ekor kambing dan bagi anak perempuan pula seekor kambing.”

(Hadis Riwayat Abu Daud, 2842)

Adapun antara perbezaan ibadah akikah dengan korban ialah:

1) Akikah tidak terikat pada masa atau hari tertentu, sedangkan korban dilakukan pada masa-masa tertentu, iaitu selepas solat dan khutbah Hari Raya Aidiladha sehingga 13 Zulhijjah.

2) Akikah dilakukan sempena menyambut kelahiran anak sebagai tanda kesyukuran kepada Allah SWT, manakala korban dilakukan kerana taqarrub (mendekatkan diri) kepada Allah SWT dan memperingati peristiwa pengorbanan Nabi Ibrahim a.s dan anaknya Nabi Ismail a.s.

3) Daging korban sunat disedekahkan secara mentah, sedangkan daging akikah sunat disedekahkan setelah dimasak. Dalam kitab al-Fiqh al-Manhaji menyatakan bahawa daging akikah adalah sunat

dimasak dengan masakan manis supaya akhlak anak yang diakikahkan itu mulia. Selain itu, afdal masakan daging akikah disedekahkan kepada orang miskin dan dihantar ke rumah mereka.



9

SOALAN:

Saya ada persoalan mengenai air wadi, air mazi, dan air mani. Bagaimanakah cara untuk saya mengenali ketiga-tiganya?

JAWAPAN:

Air wadi, air mazi, dan air mani ialah cecair yang keluar daripada kemaluan sama ada lelaki atau perempuan.

Perbezaannya adalah seperti berikut:



Jenis	Rupa/ Warna	Sebab Keluar	Kategori	Kesan Hukum
Mazi	Berwarna putih jernih, halus dan melekit.	Permulaan syahwat atau ketika bergurau senda bersama isteri dan tidak memancut.	Najis	Perlu bersuci dan tidak perlu mandi hadas
Wadi	Keruh dan pekat yang hampir menyerupai mani.	Keluar selepas kencing dan ketika mengangkat sesuatu yang berat. Keluar sebanyak satu atau dua titisan.	Najis	Perlu bersuci dan tidak perlu mandi hadas
Mani	Cecair putih yang pekat.	Keluar apabila sampai kemuncak syahwat, persetubuhan suami isteri dan dalam keadaan mimpi.	Bukan najis	Wajib mandi hadas.

Berdasarkan penjelasan ini, maka dapatlah diketahui secara umum perbezaan antara air mazi, wadi dan mani sebagai panduan.

BAHAGIAN FATWA

SEMINAR FATWA PERINGKAT DAERAH MARUDI

Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) telah melaksanakan Seminar Fatwa Peringkat Daerah Marudi pada 5 Muharam 1441H bersamaan 5 September 2019M. Seramai 145 orang peserta di sekitar Marudi telah mengikuti seminar fatwa yang telah diadakan di Dewan Suarah Baram, Marudi.

Objektif seminar ialah;

1. Menjelaskan fatwa dan penjelasan hukum yang telah diputuskan oleh Lembaga Fatwa Negeri Sarawak.
2. Mendidik masyarakat supaya mengamalkan hukum Islam mengikut aliran *Ahli Sunnah wa al-Jamaah*.
3. Memberi kefahaman kepada masyarakat bagaimana sesuatu perkara baru yang timbul dalam masyarakat ditentukan hukumnya berdasarkan fatwa.

Majlis penangguhan seminar yang bertemakan '**Memartabatkan Fatwa Dalam Masyarakat**' pada kali ini telah disempurnakan oleh Yang Berbahagia Sahibul Fadhilah Ustaz Haji Mual Bin Haji Suaud, Pengarah JMNS.

Beliau menjelaskan peranan jabatan dan bidang kuasa yang diperuntukkan dalam memutuskan sesuatu hukum atau fatwa. Selain itu JMNS juga bertanggungjawab dalam hal ehwal falak di negeri Sarawak.

Dalam seminar pada kali ini, empat (4) kertas kerja telah dibentangkan iaitu:

Kertas 1: Anak Tak Sah Taraf Menurut Perspektif Islam oleh Datu Haji Mohamed Ali Bin Mohamed Sheriff Sahib, Ahli Lembaga Fatwa Negeri Sarawak.

Kertas 2: Rokok, Shisha Dan Vape Menurut Perspektif Islam oleh Ustazah Sharifah Anom Binti Omar, Ahli Lembaga Fatwa Negeri Sarawak.

Kertas 3: Fatwa Berkaitan Ajaran-Ajaran Sesat oleh Ustaz Haji Mohammad Syarifuddin Bin Abdul Kadir, Pegawai Hal Ehwal Islam, JMNS.

Kertas 4: Fatwa Berkaitan Permasalahan Sosial oleh Ustazah Radiyah Binti Haji Affandi, Pegawai Hal Ehwal Islam, JMNS.



“Harapan saya agar masyarakat Islam di negeri ini sentiasa menjunjung fatwa yang diputuskan oleh Mesyuarat Lembaga Fatwa Negeri Sarawak bagi melestarikan keharmonian dan kesejahteraan ummah. Selain itu, perkara berkaitan hal ehwal agama dan kemusykilan hukum hendaklah dirujuk kepada pihak berautoriti agama negeri termasuklah isu-isu semasa”

(Pengarah, Jabatan Mufti Negeri Sarawak)

200 hadir Forum At-Tibyan

MARUDI: Dianggar-kira 200 orang hadir dan mendominasi sekitar Marudi hadir ke Forum At-Tibyan yang angkat Jabatan Mufti Negeri Sarawak diberikan di surau Ar-Rahman Kampung Datu Haji Zain Galau di sini malam semalam.

Objektif forum tersebut memberi penyelarasan kepada masyarakat tentang hal yang telah diputuskan oleh Lembing Fatwa negeri Sarawak dan meningkatkan kefahaman kepada

masyarakat tentang kepentingan mematuhi hukum yang telah ditetapkan.

Antara lain kata ahli jawatankuasa surau tersebut, Muzaphra Amru iaitu untuk mesyuarat dan menggotong rilat arahannya di antara jabatan Mufti negeri Sarawak dengan masyarakat.

Dalam pada itu dua ahli panel Forum tersebut ialah Pengaruh Jabatan Mufti Negeri Sarawak, Udzar Maal Saad, Ketua

Rahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Sarawak Dato' Mohd Norainuddin Syarifuddin Abdul Kadir sementara Pegawai Hafiz Hishamul Islam, jabatan Mufti Negeri Sarawak, Ustaz Ahmad Zamzuri Shah Ibin Mohd Jantan sebagai Moderator Forum.

Antara yang hadir termasuk masyarakat Melayu Daerah Marudi, Penanca Jamil Sabil, ketua-ketua kaum sekitar Marudi dan mantan hakim syariah, Dato' Ali Sharif,



AHLI PANEL...Forum At-Tibyan dilangsungkan di Surau Ar-Rahman Kampung Datu Zin Galau Marudi.

Turut dilaksanakan pada seminar kali ini ialah program at-Tafaqquh iaitu program yang bersifat khusus kepada para Guru Takmir, Guru KAFA, imam-imam, dan ahli jawatankuasa (AJK) masjid dan surau di Marudi. Pada kali ini, seramai 30 orang telah menyertai program at-Tafaqquh yang diadakan di Bilik Mesyuarat Dewan Suarah Baram, Marudi pada 4 September 2019. Para peserta at-Tafaqquh telah didedahkan mengenai kaedah pengeluaran dalil dan hujah yang diguna pakai untuk mengistinbat sesuatu hukum dalam isu pemakanan halal. Peserta juga diberi peluang berdiskusi dan berosal jawab bagi sesuatu hukum yang berlaku serta kemusykilan semasa.

Manakala pada sebelah malamnya telah diadakan program at-Tibyan iaitu program bicara ilmu yang memfokuskan kepada hukum-hakam dan pemasalahan semasa. At-Tibyan ini telah diadakan di Surau Ar-Rahman, Kg. Dato Hj. Zain Galau, Marudi. Sambutan yang amat luar biasa oleh pihak AJK surau dan masyarakat Islam sekitarnya memberikan lagi suasana pada malam tersebut.

Para peserta dan masyarakat Marudi merasa teruja dan gembira kerana JMNS telah memilih daerah Marudi sebagai tempat program. Mereka amat mengharapkan agar program

sedemikian dapat diadakan sekerap yang boleh sehingga ada daripada masyarakat menyatakan bahawa... "mun boleh pihak mufti polahlah selalu program-program agama macam tok di Marudi". Inilah yang diharapkan oleh mereka yang berada jauh dari kawasan bandar Miri ini. Semangat dan harapan mereka ini menjadi inspirasi kepada jabatan untuk terus menabur bakti dan berkhidmat pada masa akan datang.



BAHAGIAN FATWA

Az-ZIYARAH ILMU DICARI, PAHALA DIPEROLEH

Az-Ziyarah Mufti merupakan antara salah satu program anjuran Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS). Program ini bertujuan untuk memberikan kefahaman kepada masyarakat berkaitan dengan hal ehwal hukum dan fatwa yang telah diputuskan oleh Lembaga Fatwa Negeri Sarawak. Selain itu, usaha ini dapat mewujudkan dan mengeratkan silaturahim antara JMNS dengan masyarakat Islam setempat.

Az-Ziyarah Mufti ini diadakan di beberapa tempat seperti jadual 1 di bawah;

Tempat	Tarikh
Masjid Demak Baru, Jln Demak Baru, Kuching	7 September 2019M/ 7 Muharam 1441H
Surau Hidayatul Rahman, Kg. Gersik, Kuching	18 September 2019M/ 18 Muharam 1441H
Surau Darul Falah, Kg. Sadong Jaya Tengah, Samarahan	21 September 2019M/ 21 Muharam 1441H
Surau Darul Muttaqin, Kg. Litong, Mukah	4 Oktober 2019M/ 5 Safar 1441H

Jadual 1: Program Az-Ziyarah Mufti

Masyarakat berasa teruja apabila dapat berdialog secara langsung bersama-sama YBhg. Datu Haji Kipli bin Haji Yassin. Mereka menggunakan kesempatan bertanyakan soalan dan antara soalan yang diajukan termasuklah pandangan Datu Mufti mengenai cara solat duduk bagi yang tiada kemampuan.

Semoga usaha murni yang dilaksanakan demi memartabatkan agama Islam akan sentiasa mendapat sokongan masyarakat dan segala ilmu yang dikongsi dapat diamalkan dalam kehidupan seharian.



BAHAGIAN FATWA AT-TIBYAN MESRA

At-Tibyan Mesra merupakan satu program penyebaran fatwa dan penjelasan hukum Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) kepada masyarakat. JMNS telah meluaskan sebaran tersebut kepada pelajar perempuan daripada Taman Sri Puteri, Kuching dan Rumah Kanak-Kanak Toh Puan Hajah Norkiah, Kuching.

Objektif program ini adalah:

- I. Memberi penjelasan tentang isu yang telah diputuskan oleh Lembaga Fatwa Negeri Sarawak dan fokus kali ini adalah berkaitan fiqh wanita dan darah wanita.
- II. Memberi kefahaman tentang kepentingan mematuhi hukum yang telah diputuskan.
- III. Mewujudkan dan mengeratkan silaturahim antara JMNS dengan masyarakat.

Program yang berlangsung sebanyak tiga sesi ini telah diadakan di Dewan Besar Taman Sri Puteri, Telaga Air Kuching dan memfokuskan pengisian seperti berikut:



Tarikh	Pengisian
SESI 1: 9 Rejab 1440H/ 16 Mac 2019M (Sabtu)	i. Fiqh Wanita: Taharah, Hukum Berkaitan Haid
SESI 2: 19 Ramadan 1440H/ 25 Mei 2019M (Sabtu)	i. Fiqh Wanita: Hukum berkaitan Nifas dan Istihadah ii. Khatam Al-Quran dan Iftar Jamie
SESI 3: 1 Rabiulakhir 1441H/ 28 November 2019M (Khamis)	i. Fatwa-fatwa Berkaitan Wanita & Masalah Sosial Masa kini ii. Sirah: Wanita-wanita Solehah



BAHAGIAN FATWA DAURAH AKIDAH

Pada 30 Rabiulawal 1441H bersamaan 27 November 2019M, Bahagian Fatwa Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) telah menganjurkan Daurah Akidah 1441H/ 2019M yang bertempat di Dewan Alamanda DBKU, Tingkat 5 Bangunan Majma' Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah. Peserta daurah pada kali ini sangat istimewa kerana disertai oleh semua warga kerja Jabatan Mufti Negeri Sarawak.

Dua kertas kerja telah dibentangkan dalam daurah kali ini iaitu Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah oleh Yang Berbahagia Sahibul Fadhilah Ustaz Haji Mual bin Haji Suaud, Pengarah JMNS. Pembentangan kertas kerja tersebut menghuraikan kepentingan berpegang kepada Ahli Sunnah Wal Jamaah bagi mencapai kemanisan iman dalam kehidupan. Sebelum mengakhiri pembentangan, pembentang menyeru kepada semua peserta supaya sentiasa berpegang teguh dan mempertahankan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah agar hidup sejahtera duniawi dan ukhrawi.



Pembentangan kertas kerja kedua pula disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Haji Mohd Syarifuddin bin Haji Abdul Kadir, Ketua Bahagian Fatwa, JMNS yang bertajuk Aplikasi Dan Penghayatan Rukun Iman Dalam Kehidupan. Pembentang menekankan bahawa iman hendaklah disertakan dengan amal soleh. Amal soleh bererti melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya. Iman tanpa amal yang mulia tidak mendapat tempat dalam Islam. Pembentang menerangkan betapa pentingnya kombinasi Islam dan iman dalam diri bagi membentuk seorang muslim sejati yang tunduk dan patuh kepada Allah SWT secara zahir dan batin.

Daurah sebegini menjadi medan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan kompetensi warga kerja JMNS. Kenangan indah ini tercipta kerana ia bukan sahaja mengeratkan silaturahim antara satu sama lain malah membuka minda semua peserta betapa pentingnya pegangan akidah dalam kehidupan sehari-hari. Para peserta memberi respon yang sangat positif dan berharap daurah sebegini dapat diadakan lagi pada masa akan datang.



Program Al-Falak pada kali ini telah diadakan di SMK Lingga Sri Aman, Sarawak pada 09-11 Zulkaedah 1440H bersamaan 12-14 Julai 2019M.

Program ini amat bermakna buat warga kerja SMK Lingga Sri Aman, Sarawak kerana mereka dapat bekerjasama dengan Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) dalam penganjuran program ini. Tambahan pula, SMK Lingga Sri Aman merupakan sekolah baru di bahagian Sri Aman yang mula beroperasi pada 24 Jun 2018 dengan jumlah pelajar pada ketika itu hanya seramai 186 orang dan 25 orang guru. Kini, jumlah pelajar semakin bertambah kepada 304 orang.

“Pelajar-pelajar kami teruja untuk mempelajari ilmu falak dan berterima kasih atas kesudian pihak JMNS berkongsi ilmu bersama-sama para pelajar.”

Pengetua SMK Lingga Sri Aman, YBhg. Tuan Hatta bin Hj. Arabi berkata... “pihak sekolah berbesar hati menyambut kedatangan pihak JMNS bagi mengadakan program di sekolah kami yang serba baru ini.”

Sebanyak tujuh buah sekolah yang menyertai program ini iaitu SMK Lingga Sri Aman, SMK Simanggang Sri Aman, SMK Sri Aman, SMK Saint Luke Sri Aman, SMK Datuk Patinggi Kedit Betong, Kolej Vokasional Betong, dan Maktab Rendah Sains Mara Betong. Pelajar yang terlibat seramai 110 orang yang terdiri daripada pelajar tingkatan 4.



BAHAGIAN FALAK

PROGRAM AL-FALAK DI SRI AMAN, SARAWAK.

Program dimulakan dengan taklimat yang disampaikan oleh Ustaz Haji Razalie bin Haji Hussaini, Ketua Bahagian Falak. Pelbagai aktiviti yang menarik disediakan dalam program ini bagi menarik perhatian dan minat para peserta dalam mempelajari ilmu falak. Aktiviti yang paling dinanti-nantikan para peserta mahupun seluruh warga kerja SMK Lingga Sri Aman adalah aktiviti *iktisyaf as sama'* (cerapan langit malam). Para peserta berpeluang melihat kebesaran dan keagungan Allah SWT seperti bulan dan planet Zuhul melalui Teleskop Celestron Cps 800 Gps pada malam program tersebut.

Program ini telah dirasmikan oleh Mufti Negeri Sarawak, YBhg. Datu Haji Kipli bin Haji Yassin. Beliau menyatakan dalam ucapan perasmian bahawa tujuan program ini adalah untuk memperkenalkan aktiviti falak di sekolah menengah di samping memantapkan akidah para peserta dengan pengetahuan ilmu falak. Program sebegini dapat membuka minda pelajar untuk membina teknologi yang lebih maju dan berdaya saing pada masa akan datang.

BAHAGIAN FALAK

FORUM KEBESARAN DAN KEAGUNGAN ALLAH SWT & FALAK FIT TORIQ SRI AMAN

Forum Kebesaran & Keagungan Allah SWT telah dilaksanakan pada 11 Zulkaedah 1440H bersamaan 14 Julai 2019M bertempat di Masjid Bahagian Sri Aman. Ia merupakan salah satu pengisian dalam program Al-Falak yang bertemakan "Alam Indah Milik Yang Maha Agung". Ahli panel dan moderator forum tersebut terdiri daripada pegawai Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS). Forum memfokuskan tentang hubung kait ayat-ayat al-Quran dengan alam ciptaan Allah SWT yang dapat kita saksikan.

Objektifnya ialah:

- 1** Melihat dan menghayati keagungan dan kebesaran Allah SWT melalui alam ciptaan-Nya.
- 2** Memberi pendedahan serta penambahan ilmu falak kepada masyarakat.
- 3** Menggerakkan silaturahim antara JMNS dengan masyarakat setempat.

Turut diadakan juga program Falak Fit Toriq yang memberi peluang kepada jemaah untuk menghayati sendiri cerapan langit malam dengan menggunakan teleskop.



BAHAGIAN FALAK

DAURAH ILMIAH FALAKIAH



Kitab: AJA'IBUL MAKHLUQAT WA GHARAIBUL MAUJUDAT

Bab: MA'RIFAH AL-BURUJ

Sejak dilaksanakan pada tahun 2016, pelbagai tajuk dalam kitab *Aja'ibul Makhluat Wa Gharaibul Maujudat* telah dikongsikan kepada peserta. Antara tajuk yang pernah dibincangkan ialah langit & perkara yang dipertimbang, sifat-sifat bulan & kesannya yang menakjubkan dan pertimbangan dalam realiti astronomi ataupun ilmu falak.

Tuan Guru Haji Hanafiah Bin Abdul Razak ialah fasilitator bagi daurah ini di mana beliau

merupakan seorang yang amat berpengalaman dan berkepakaran dalam bidang falak di Malaysia. Daurah kali ini memilih bandar Bintulu yang juga merupakan salah satu lokasi stesen melihat anak bulan rasmi. Tarikh yang dipilih ialah pada 26 hingga 28 Zulhijjah 1440H bersamaan 27 hingga 29 Ogos 2019M bertempat di Hotel New World, Bintulu.

Pada daurah kali ini, tajuk yang dipilih ialah *Ma'rifah Al-Buruj* yang bermaksud mengenali

buruj. Antara isi penting dalam tajuk ini ialah memahami apa itu buruj, terbit dan terbenam matahari pada setiap buruj, mengenali dan memahami terbit dan terbenamnya matahari sepanjang tahun bagi 12 buruj.

Terbit dan terbenamnya matahari pada satu-satu buruj mengambil masa selama 30 hari ataupun sebulan. 12 buruj yang dimaksudkan ialah *hamal* (kambing gurun), *saurun* (lembu), *jauza'* (dua beradik kembar), *sarathan* (ketam), *asad* (singa),

sunbulah atau *'azrak* (gadis), *mizan* (timbang), *'aqrab* (kala jengking), *qaus* (busur panah), *jadi* (kambing laut), *dalwu* (timba), dan *hut* (ikan). Walau bagaimanapun, buruj ini lebih dikenali oleh masyarakat kita dalam bahasa Inggeris seperti *Pisces*, *Leo*, *Libra*, *Cancer*, *Taurus*, *Aries*, *Gemini*, *Virgo*, *Capricorn*, *Sagittarius*, *Aquarius*, dan *Scorpio*.

Fasilitator turut menjelaskan ciri-ciri khusus setiap buruj. Contohnya pada buruj *hamal*, jumlah bintang-bintang terkumpul bagi membentuk buruj ini sebanyak 13 bintang. Namun terdapat lima bintang yang terkeluar daripada kumpulan bintang 13 tersebut menjadikan jumlah keseluruhan bintang pada buruj *hamal* ialah 18 bintang. Fasilitator menjelaskan satu persatu kedudukan bintang dalam buruj ini. Bermula dari kedudukan buruj di sebelah barat dan berakhir di sebelah timur. Setiap bintang yang membentuk buruj *hamal* mempunyai nama-nama tertentu, antaranya ialah

manzilah syarat, antara bintang yang terkeluar dari gugusan utama dinamakan *an-nathu*, dua bintang yang terang berada di atas ekor hamal dinamakan *manzilah butain*.

Selain kedudukan bintang pada buruj *hamal*, perbincangan yang berkaitan hal ehwal angin dan hasil dapatan pada musim buruj *hamal* juga diperincikan. Pada terbit dan terbenam matahari sepanjang berada di buruj *hamal*, angin barat yang membawa hujan di daratan jika bertembung dengan tiupan angin tenggara yang panas akan menghasilkan hujan yang lebat. Dengan mengetahui kedudukan angin dan hujan, masa dan musim inilah sesuai untuk semai padi, tanaman pokok berdahan, dan tanaman kontan. Manakala bagi hasil dan dapatan dilaut, ikan akan menuju ke pantai, udang, sotong, dan ketam mula membiak subur.

Selain buruj *hamal*, buruj-buruj yang sempat dibincangkan pada daurah kali ini cuma berjumlah

enam buruj daripada 12 buruj. Buruj yang sempat dibincangkan selama tiga hari dua malam ialah buruj *hamal* (kambing gurun), *thaurun* (lembu), *jauza'* (dua beradik kembar), *saratan* (ketam), *asad* (singa), dan *sunbulah* atau *'azrak* (anak gadis). Selain daripada perbincangan dalam dewan, program daurah ini juga mempraktikkan ilmu ini di stesen cerapan rasmi anak bulan di Tanjung Batu Bintulu. Sedikit sebanyak ilmu yang disampaikan dalam kelas dapat disaksikan secara langsung.

Masya-Allah, hebatnya ulama terdahulu yang telah mengkaji dengan teliti setiap perkara di langit dan kesannya di bumi. Namun penceramah mengingatkan bahawa ini tidak boleh dijadikan sebagai dalil, sebaliknya hanyalah sebagai panduan sahaja dalam menghadapi musim dan cuaca di bumi. Kajian ini adalah secara umum dan memerlukan pemerhatian yang teliti bagi lokasi tempatan.



BENGKEL ASTROFOTOGRAFI DAN TELESKOP, LABUAN

“Jauh Perjalanan, Luas Pemandangan”



Alhamdulillah, Bengkel Astrofotografi dan Teleskop pada kali ini telah dilaksanakan pada 27 hingga 1 Safar 1441H bersamaan 27 hingga 30 September 2019M bertempat di Tiara Hotel, Labuan. Program ini telah menjemput dua orang tenaga pakar dalam bidang cerapan langit dan pengimejan iaitu Ustaz Awang Bolkhizan bin A Ahmad Thani, pegawai falak daripada Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan Labuan, dan Cik Emma Zulaiha binti Zulkifli daripada Persatuan Pencerap Bintang Negeri Sabah.

Lokasi ini menjadi pilihan tempat penganjuran program kerana rekod kenampakan hilal di sini merupakan rekod terbaik yang berjaya diambil dalam mencerap hilal di Malaysia. Antara imej hilal termuda berjaya dirakam oleh pencerap, Ustaz Awang Bolkhizan bin A Ahmad Thani adalah Hilal Zulhijjah 1432H dengan umur 14 jam 04 minit termuda di Malaysia dan ketiga di dunia. Amatlah sukar bagi pencerap yang belum mahir dan tiada pengalaman dalam kerja mencerap

bagi umur hilal semuda ini dengan pengendalian teleskop serta alat pengimejan yang berspesifikasi tinggi. Kami berpeluang untuk menimba pengalaman dalam mengendalikan alat teleskop bagi kerja mencerap serta merekod imej hilal dengan menggunakan alat pengimejan yang sesuai bagi tujuan tersebut.

Antara peralatan yang digunakan adalah pendakap Skywatcher HEQ 5 Pro dan dua unit baru pendakap Skywatcher AZ-EQ5 yang digabungkan dengan teleskop GSO Ritchey Chretien 6/8 inci. Selain itu, penggunaan teleskop khusus matahari Lunt Solar System LS60 turut dipraktikkan. Untuk alat pengimejan, peserta menggunakan gabungan kamera DSLR dan ZWO ASI. Semua peserta terlibat dalam praktikal cerapan hilal bagi memaksimalkan penggunaan dan keupayaan teleskop serta alat pengimejan.

Bengkel pada kali ini memberi penekanan kepada peserta mengenai kemahiran dalam pengendalian alat pengimejan terbaru, kamera ZWO ASI yang diguna khusus untuk merakam

BAHAGIAN FALAK



objek-objek langit menggunakan teleskop. Antara praktikal penggunaan kamera ini, kami mencuba menggunakan gabungan Lunt Solar System LS60 bagi mendapatkan gambar prominen dan kromosfera matahari.

Sepanjang program berlangsung, peserta melakukan amali secara berkumpulan mengikut jenis teleskop dan alat pengimejan yang tersedia. Setiap kumpulan diberi tugas untuk mendapatkan imej objek cerapan untuk tujuan pemprosesan imej menggunakan aplikasi khusus bagi objek-objek langit. Aktiviti dalam program ini telah diadakan di beberapa lokasi sekitar pantai Tiara Hotel dan Jalan Pantai Batu Manikar. Majlis perasmian penangguhan Bengkel Astrofotografi dan Teleskop 1441H/2019M ini telah disempurnakan oleh Mufti Negeri Sarawak, Datu Haji Kipli bin Haji Yassin.



BAHAGIAN PUSAT SUMBER

KURSUS ASAS FOTOGRAFI
DAN VIDEOGRAFI

Fotografi merupakan bidang yang kian mendapat perhatian masyarakat umum sama ada sebagai hobi mahupun kerjaya. Teknologi fotografi menggunakan kaedah digital mampu menghasilkan pembentangan yang berkesan, penerbitan poster, dan sebagainya sekaligus memudahkan penghasilan sesuatu produk. Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) mengambil inisiatif dalam mengadakan Bengkel Asas Fotografi dan Videografi menggunakan telefon pintar dan kamera Digital Single-Lens Reflex (DSLR) bagi memberi pendedahan kepada kakitangan JMNS. Bengkel ini telah diadakan pada 10-11 September 2019M bersamaan 10-11 Muharram 1441H bertempat di Hotel Waterfront Kuching dan dihadiri oleh 18 orang warga kerja JMNS.

Antara objektif bengkel ini ialah:

- Meningkatkan kemahiran kakitangan jabatan dalam menghasilkan gambar dan video yang menarik serta berkualiti.
- Memberi penekanan dalam aspek teori, praktikal dan juga teknik-teknik mengambil gambar dan juga penghasilan pelbagai imej serta video
- Memberi pendedahan kepada kakitangan bahawa telefon pintar juga mampu menghasilkan gambar yang menarik dan berkualiti

Antara pengisian program ialah elemen asas fotografi dan videografi yang merangkumi bingkai, rakaman, pergerakan kamera, mod persekitaran, susunan, dan komposisi. Selain itu, peraturan dalam videografi juga turut didedahkan dengan memahami kaedah “Rules of Third”, pencahayaan, dan membentuk pusat tumpuan visual yang menjadi titik fokus.

Penganjuran bengkel seumpama ini secara tidak langsung dapat memupuk minat dalam bidang fotografi dan videografi di samping meningkatkan kualiti dan mutu kerja warga JMNS.



BAHAGIAN PUSAT SUMBER

SENTUHAN ROHANI [PELUANG]

Umat sesebuah tamadun akan goncang jika jiwa seseorang kosong dari nilai-nilai Islam. Bagi membina benteng kekuatan dan ketahanan diri melalui realiti kehidupan di zaman ini, jiwa kita haruslah diisi dengan nilai-nilai Islam. Antara pengisian program ini ialah bimbingan belia, keagamaan, dan motivasi bagi memperoleh kecemerlangan dalam hidup mereka. Selain itu juga, golongan yang bermasalah masih mempunyai harapan dan tidak terlambat untuk mereka berubah.



Pada 25 hingga 27 Oktober 2019 bersamaan 26 hingga 28 Safar 1441, Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) Daerah Kuching, Sarawak buat julung kalinya mengadakan program Sentuhan Rohani bertempat di Kem Sumiran, Rantau Panjang, Batu Kawa, Kuching. Program yang disertai oleh 30 orang Orang Kena Pengawasan (OKP) AADK ini mendapat maklum balas yang positif dari peserta. Mereka teruja untuk menyertai program ini kerana ada dalam kalangan mereka yang baru pertama kali menyertainya. Program ini bertujuan membentuk semula jiwa OKP dengan menerapkan nilai-nilai kerohanian dalam diri mereka. Dengan menghayati erti Islam yang sebenar diharap agar mereka berasa lebih yakin untuk menjadi insan yang cemerlang, beriman, dan mendekatkan diri dengan Allah SWT.



Objektif program ini ialah:

- Menyebarkan hukum dan fatwa kepada masyarakat secara menyeluruh termasuk golongan yang bermasalah dan mampu untuk melahirkan rasa insaf dan menyesali segala perbuatan silam yang telah mereka lakukan untuk mendekatkan diri mereka kepada Allah SWT.
- Membangunkan modal insan yang memilih ketahanan dan jati diri yang tinggi dalam kalangan OKP dari segi fizikal, emosi, mental, dan rohani serta memberi peluang kepada diri mereka agar terus berubah dan istiqamah dalam menjalani kehidupan seharian.
- Menyediakan alternatif yang berfaedah supaya dapat menyekat keinginan mereka terhadap dadah khususnya, dan perkara-perkara lain yang tidak mendatangkan faedah malah kemudaratan seperti rokok.
- Menjadikan program ini sebagai satu landasan untuk membantu mereka dari segi meningkatkan motivasi dan kesedaran tentang Islam.
- Mendidik mereka untuk berfikiran kritis dan kreatif dalam menyelesaikan isu-isu yang dihadapi dengan cara berhemah.

Antara pengisian program ini ialah *Ice Breaking* (Pulau Harapan), Qiamullail, Kuliah Subuh dan Maghrib, Ceramah Taubat, Cerapan Langit Malam, Bengkel Tips dan Langkah Kekuatan Diri, *Adventure Trail*, Sukaneka, Praktikal Ibadah, Muhasabah Diri, dan Refleksi Diri.

Antara mesej yang dapat diperoleh daripada program ini ialah mengajak masyarakat mengubah stigma terhadap penagih yang telah pulih daripada pengaruh najis dadah. Oleh itu, kita hendaklah sentiasa memberi sokongan moral bukan hanya memandang serong terhadap mereka.



BAHAGIAN PUSAT SUMBER

BENGKEL PENERBITAN BUKU PANDUAN SOLAT PESAKIT



Pada 17 hingga 18 Zulkaedah 1440H bersamaan 20 hingga 21 Julai 2019M bertempat di Damai Beach Resort Santubong, Kuching. Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) telah mengadakan Bengkel Penerbitan Buku Panduan Solat Pesakit. Bengkel ini diadakan bertujuan bagi menangani isu dan permasalahan ibadah pesakit menurut disiplin perbahasan fiqh Islam. Selain itu juga, bengkel ini bertujuan untuk mendapat pandangan serta cetusan idea dalam menghasilkan senaskhah buku yang berguna kepada semua lapisan masyarakat dalam bentuk mudah, ringkas dan senang untuk difahami.

Bengkel tersebut dihadiri seramai 17 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan JMNS, Jabatan Agama Islam Sarawak (JAIS), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Sarawak (JAKIM) dan Hospital Umum Sarawak. Di atas komitmen semua peserta, bengkel telah berlangsung dengan jayanya.

BAHAGIAN PUSAT SUMBER

BENGKEL PENULISAN LAPORAN DAN BERITA

Jauh Perjalanan Luas Pengalaman



Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) telah berjaya menerbitkan Majalah At-Tibyan sebanyak 10 siri bermula dari tahun 2012 hingga kini (2019). Bengkel Penulisan Laporan Dan Berita telah diadakan pada 19-20 Oktober 2019 bersamaan 20-21 Safar 1441H sebagai proses penambahbaikan dalam penulisan laporan dan berita. Di samping itu, bengkel ini juga dapat memberi motivasi serta pendedahan kepada sidang redaksi untuk menghasilkan karya yang lebih menarik.

JMNS rasa amat bertuah kerana Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur telah menghantar seorang fasilitator yang berpengalaman luas iaitu Editor Kanan, Bahagian Majalah, Puan Nurul Julia Alani Henry. Selama dua hari, fasilitator banyak berkongsi ilmu mengenai cara penulisan yang betul untuk membuat laporan dan berita.

Seramai 18 orang peserta telah menghadiri bengkel tersebut. Turut hadir bersama-sama Mufti Negeri Sarawak, Yang Berbahagia Datu Haji Kipli bin Haji Yassin dan sekaligus merasmikan majlis penangguhan yang berlangsung pada 20 Oktober 2019. Semoga dengan usaha ini sidang redaksi dapat menghasilkan karya yang lebih berkualiti pada masa akan datang.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN



HARI INTEGRITI DAN INOVASI JMNS 2019

Pada 2 dan 3 November 2019M bersamaan 5 dan 6 Rabiulawal 1441H yang lalu, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS), telah menganjurkan Hari Integriti dan Inovasi Jabatan Mufti Negeri Sarawak 2019. Aktiviti ini telah diadakan di Damai Beach Resort, Santubong, Kuching dan disertai oleh 52 orang warga kerja JMNS, berserta Mufti Negeri Sarawak, Datu Haji Kipli bin Haji Yassin, dan Pengarah JMNS, Ustaz Haji Mual bin Haji Suaud.

Program ini merupakan program tahunan yang dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan JMNS bagi mengekalkan dan memperkasakan nilai-nilai integriti dan kreativiti dalam kalangan warga kerja JMNS.

Pada tahun ini, Bahagian Khidmat Pengurusan telah menjemput dua orang penceramah yang pakar dalam bidang masing-masing bagi berkongsi pengalaman serta ilmu mereka.

Bagi nilai integriti, penceramah jemputan pertama merupakan Pengarah Unit Integriti dan Ombudsman Negeri (UNION), Tuan Haji Adana bin Haji Jed. Sepanjang ceramah tersebut, beliau sempat berkongsi pengalaman sebagai penjawat awam negeri Sarawak. Selain itu, beliau juga menasihati warga kerja JMNS untuk melaksanakan kerja harian mereka berpandukan Al-Quran dan hadis, bagi meningkatkan nilai integriti dan kejujuran dalam diri dan tugas masing-masing.

“If you want to make everyone happy, don’t be a leader, go and sell ice-cream instead”

- Tuan Haji Adana bin Haji Jed



Manakala, bagi ceramah yang bertajuk nilai inovasi, JMNS telah menjemput Encik Chuah Kee Man, pensyarah dan penyelidik dalam bidang e-pembelajaran dan bahasa Inggeris, yang berkhidmat di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Inti pati ceramah beliau antaranya menasihati kakitangan JMNS supaya menggunakan kreativiti untuk menyelesaikan urusan dan masalah dalam bekerja.

Pada sesi petang pula, warga kerja JMNS telah menyertai aktiviti *team-building* yang telah dikendalikan oleh Encik Akbar bin Morili. Para peserta telah dibahagikan kepada lima kumpulan yang terdiri daripada pelbagai bahagian dalam JMNS. Aktiviti ini dilaksanakan untuk memupuk semangat kerjasama

dan kesefahaman antara satu sama lain.

Pada sebelah malam, Majlis Malam Apresiasi diadakan untuk menghargai warga kerja JMNS atas usaha yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan mereka. Acara pada malam tersebut juga diselangi dengan persembahan daripada setiap bahagian dan juga acara cabutan bertuah. Antara anugerah yang telah disampaikan pada malam tersebut adalah SCS 6 *Shared Values*, Pekerja Baru Terbaik, Mentor Terbaik, *Best Performance Award*, dan juga Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2018.

Pada keesokan harinya, aktiviti diteruskan dengan senaman pagi dan sukaneka bersama-sama warga kerja JMNS serta keluarga.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Liga' Mahabbah:

MERENTASI LAUT CHINA SELATAN



Liqa' Mahabbah Jabatan Mufti SeMalaysia Tahun 2019 telah diadakan pada 11 hingga 13 Oktober 2019 bersamaan 12 hingga 14 Safar 1441H di mana negeri Perak merupakan tuan rumah bagi Liqa' pada tahun ini. Program ini adalah program dwitahunan yang menghimpunkan semua Jabatan Mufti seluruh Malaysia sebagai wakil negeri kecuali negeri Kelantan yang tidak dapat menyertai Liqa' pada tahun ini.

Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) yang julung kali menyertai Liqa' telah menghantar 27 orang atlet untuk enam jenis kategori sukan yang dipertandingkan iaitu karom, pingpong, congkak, boling, badminton, dan futsal. Persaingan secara sihat sebegini adalah bertujuan untuk mengeratkan silaturahim antara Jabatan Mufti seluruh Malaysia.

Kesungguhan dalam menjalani latihan membawa hasil apabila Sarawak menduduki tempat keenam daripada 13 buah negeri yang bertanding. Kemenangan tempat kedua dalam sukan boling kategori VIP dan wanita amat membanggakan, manakala pertandingan karom kalah tipis dengan mendapat tempat keempat.

Kesemua kontinjen yang menyertai Liqa' tersebut telah diraikan oleh Kerajaan Negeri Perak dalam Majlis Penutupan Liqa' yang diadakan di Casuarina Convention Centre, Perak. Kemuncak kepada majlis tersebut adalah acara penyerahan bendera kejohanan kepada kontinjen negeri Sarawak sebagai simbolik untuk menjadi tuan rumah bagi Liqa' Mahabbah Mufti SeMalaysia 2021.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

PERHIMPUNAN JABATAN BIL.2/2019

Pada 6 Disember 2019M bersamaan 9 Rabiulakhir 1441H, Bahagian Khidmat Pengurusan Jabatan Mufti Negeri Sarawak (JMNS) telah berjaya mengadakan perhimpunan bagi tahun 2019M. Program tersebut diserikan dengan kehadiran Mufti Negeri Sarawak, Datu Haji Kipli bin Haji Yassin serta Pengarah JMNS, Ustaz Haji Mual bin Haji Suaud.

Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, diikuti lagu Sarawak Ibu Pertiwiku dan bacaan doa yang dipimpin oleh Ustaz Mohamad Iskandar bin

Spawi. Bacaan Ikrar Integriti pula telah diketuai oleh Encik Mohd Yassir Arafat bin Gulam Mohamed dan ucapan aluan telah disampaikan oleh Ustaz Haji Mual bin Haji Suaud.

Datu Haji Kipli bin Haji Yassin dalam amanat beliau menekankan agar seluruh warga kerja JMNS, terutamanya kepada warga kerja baru untuk melaksanakan tugas dengan amanah, dan mengambil berat tanggungjawab sebagai penjawat awam dalam merealisasikan misi dan visi jabatan.

Majlis diakhiri dengan lafaz ikrar dan seterusnya menandatangani Surat Aku Janji oleh semua warga kerja baharu JMNS di hadapan Mufti Negeri Sarawak, Datu Haji Kipli bin Haji Yassin dan Pengarah JMNS, Ustaz Haji Mual bin Haji Suaud.



Tahniah

PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2018



Ustaz Haji Mohammad Fauzi bin Haji Hairani
Pegawai Hal Ehwal Islam,
Gred S41



Ustaz Awang Ali bin Awang Mat
Pembantu Hal Ehwal Islam, Gred S19



Puan Salviah binti Kipli
Pembantu Tadbir,
Gred N19

Kelahiran CAHAYA MATA

NAMA PEGAWAI:
Encik Nurul Mohaizam bin Mohd. Khairuddin

NAMA CAHAYAMATA:
Nur Jasmine Qadriya binti Nurul Mohaizam

TARIKH LAHIR:
24 Oktober 2019



Jasamu DIKENANG

Nama: Puan Norhayati binti Yusop
Jawatan : Pembantu Tadbir
Perkeranian/Operasi, N22
Tarikh berpindah: 9 Disember 2019
Tempat berpindah:
Unit Protokol Dan Pengurusan Acara
Negeri, Jabatan Ketua Menteri

Penghargaan

PELAJAR LATIHAN PRAKTIKAL

	Nur Syahira Tasnim Binti Mahtar Faculty Business Management Universiti Teknologi Mara, Kampus Samarahan		Nur Shahira Binti Rosman Faculty Business Management Universiti Teknologi Mara, Kampus Samarahan
--	---	--	--

Selamat Datang



Nama: Encik Muhammad Farid
bin Ilyas
Jawatan: Pegawai Tadbir, Gred N41
Tarikh Melapor Diri:
20 Ogos 2019



Nama: Ustaz Nur Rahimin bin Rahim
Jawatan: Penolong Pegawai
Hal Ehwal Islam, Gred S29
Tarikh Melapor Diri:
10 September 2019



Nama: Puan Dayang Farahin
binti Abang Hamdan
Jawatan: Akauntan, Gred WA41
Tarikh Melapor Diri: 1 Julai 2019



Nama: Ustazah Anis A'qilah
binti Ya'akup
Jawatan: Penolong Pegawai
Hal Ehwal Islam, Gred S29
Tarikh Melapor Diri:
10 September 2019



Nama: Encik Fahmi Nazrin Bin
Abd Karim
Jawatan: Penolong Pegawai Tadbir,
Gred N29
Tarikh Melapor Diri:
23 September 2019



Nama: Puan Zuhana binti Sapiee
Jawatan: Penolong Pegawai Tadbir,
Gred N29
Tarikh Melapor Diri:
1 Oktober 2019



Nama: Puan Siti Fatimah binti Ajmin
Jawatan: Pembantu Setiausaha
Pejabat, Gred N19
Tarikh Melapor Diri:
7 Oktober 2019



Nama: Puan Nurhashimah binti Ali
Jawatan: Penolong Pegawai Tadbir,
Gred N29
Tarikh Melapor Diri:
10 Oktober 2019



Nama: Encik Sufian bin Mohammad
Jawatan: Penolong Pegawai Tadbir,
Gred N29
Tarikh Melapor Diri:
7 November 2019



Nama: Encik Haji Dannie bin
Mohamad Ismail
Jawatan: Pembantu Tadbir
Perkeranian Operasi Gred N19
Tarikh Melapor Diri:
9 Disember 2019

ZOOM IN



Tetamu SS Datu Haji Kipli bin Haji Yassin



Bengkel Persediaan Kajian Anjakan Buruj Hamal dan Istiwa' Matahari di Garisan Khatulistiwa 2019



Hari Integriti & Inovasi JMNS 2019



Kursus Asas Fotografi dan Videografi



Makan Malam Mahabbah Bersama Mufti Negeri Sembilan



Seminar Fatwa
Peringkat Daerah Marudi



Majlis Makan Malam Penghargaan Pengauditan Tahun 2018



Forum: At-Tibyan, Kampung Dato Hj. Zain Galau, Marudi



جَابَاتُنْ مُفْتِنْ بَنْ كِرِي سَهْ لَوْقَنْ

JABATAN MUFTI NEGERI SARAWAK

ARAS 15, MAJMA' TUANKU ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH
LORONG P. RAMLEE 5, OFF JALAN P. RAMLEE, 93400 KUCHING, SARAWAK
Tel: 082-507 500 Faks: 082-507 200 / 507 300 Portal Rasmi: www.muftinegeri.sarawak.gov.my